

SOALAN NO: 52

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]

TARIKH : 3 APRIL 2018 (SELASA)

SOALAN : Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
berapa ramaikah petani memohon
bantuan sebanyak RM200 sebulan
bagi tempoh 3 bulan sementara
menunggu hasil tuaian padi (dalam
Budget 2018) di Sarawak dan
berapakah permohonan dari
kawasan Parlimen Sarikei.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Permohonan keseluruhan daripada Jabatan Pertanian Negeri Sarawak kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk bantuan RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan untuk penanam padi sementara menunggu hasil tuaian adalah seramai 171,302 orang.

Untuk Bahagian Sarikei, jumlah permohonan bagi bantuan tersebut adalah seramai 13,245 orang. Sementara permohonan bagi kawasan Parlimen Sarikei adalah seramai 5,294 orang.